



PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 5/2000

RISIKO BAGI PENYEDIA LATIHAN TERHADAP MAJIKAN YANG TIDAK MEMPUNYAI BAKI LEVI MENCUKUPI UNTUK MENGIKUTI LATIHAN DI BAWAH SKIM PERLA

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan penyedia latihan mengenai risiko yang diambil terhadap majikan yang tidak mempunyai baki levi yang mencukupi untuk mengikuti latihan di bawah Skim PERLA.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Skim PERLA diwujudkan bagi membantu majikan menghantar pekerja mengikuti latihan dengan hanya membayar 20 atau 25 peratus daripada yuran latihan manakala bakinya akan dituntut terus oleh penyedia latihan daripada akaun levi majikan yang ditadbir oleh Majlis.
- 2.2 Kursus-kursus yang ditawarkan di bawah Skim PERLA adalah pada asasnya kursus-kursus yang diluluskan di bawah Skim PROLUS. Perkara yang membezakan di antara kedua-dua skim ini ialah di bawah Skim PROLUS, majikan terpaksa membayar keseluruhan yuran latihan sebelum membuat tuntutan bayaran balik kos latihan daripada Majlis sedangkan di bawah Skim PERLA, majikan hanya perlu membayar sebahagian kecil sahaja yuran ini. Ini membuatkan kursus-kursus di bawah Skim PERLA amat popular di kalangan para majikan kecil.
- 2.3 Di bawah Skim PERLA, majikan tidak perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum mengikuti kursus. Walau bagaimanapun, peraturan sedia ada memerlukan penyedia latihan mengemukakan borang MPSM/PER/1/99 sebelum kursus dijalankan bagi membolehkan pihak Majlis menyemak kedudukan levi majikan iaitu sama ada mempunyai baki yang mencukupi untuk menjelaskan yuran latihan yang akan dituntut; menentukan sama ada majikan mempunyai bayaran levi tertunggak; atau faedah yang belum dijelaskan. Borang ini juga digunakan bagi membolehkan pihak Majlis mengeneipkan atau merizabkan sejumlah wang daripada akaun levi majikan untuk tujuan bayaran balik yuran latihan apabila ianya dituntut oleh penyedia latihan kemudian.

3. PROSES TUNTUTAN

- 3.1 Di bawah Skim PERLA, **tuntutan geran latihan tidak boleh dibayar melebihi daripada sekali**. Oleh kerana penggunaan borang MPSM/PER/1/99 ialah untuk memberi pengesahan mengenai kedudukan levi majikan dan bukan merupakan kelulusan mengikuti kursus, penyedia latihan diperingatkan bahawa mereka **mengambil risiko yang tinggi bagi majikan yang tidak mempunyai baki levi yang mencukupi sekiranya yuran latihan yang akan dibayar oleh Majlis adalah setakat baki levi yang ada dalam akaun levi majikan semasa tuntutan diproses dan tidak sepenuhnya**. Dengan demikian juga, **pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab** sekiranya tuntutan yang dikemukakan ditahan dan dipulangkan, ataupun dibayar dalam tempoh yang panjang jika majikan **mempunyai bayaran levi tertunggak atau faedah yang belum dijelaskan**.
- 3.2 Sebaliknya, tuntutan ini boleh dibuat sendiri oleh majikan mengikut prosedur tuntutan di bawah Skim PROLUS.
- 3.3 Seperti dengan tuntutan-tuntutan lain, tarikh akhir bagi penyedia latihan mengemukakan tuntutan di bawah Skim PERLA bagi latihan-latihan yang dijalankan dalam satu-satu tahun adalah pada 30 Jun tahun berikutnya, dan semasa mengemukakan tuntutan, borang yang diperlukan adalah **salinan borang MPDM/PER/1/99 dan borang MPSM/PER/T1/99**.

4. PENUTUP

- 4.1 Penyedia latihan adalah diminta untuk mematuhi peraturan yang dinyatakan dalam Pekeliling ini sepenuhnya bagi mengelakkan tuntutan geran latihan yang dikemukakan ditahan atau ditolak.
- 4.2 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 April 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(SHAHRIL BIN HASAN)

Pengarah, Bahagian Pembangunan Sumber Latihan
b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

s.k :-

Pengarah Bahagian Geran Latihan
Pengarah Bahagian Kewangan
Semua Majikan Berdaftar